

## GEJOLAK NAFSU DAN ANCAMANNYA



**Nurul Syazwani Binti Kizzon**

1192456

Fakulti Sains dan Teknologi

Universiti Sains Islam Malaysia

*wanisyazwani2000@gmail.com*

*Tarikh diterbitkan: 18 Februari 2021*

Secara tidak sedar, sebenarnya setiap hari manusia berdepan dengan peperangan. Yang berbeza hanyalah sama ada manusia itu sendiri peka ataupun tidak. Nafsu adalah musuh utama setiap manusia. Manusia berperang setiap saat dengan nafsu yang ada dalam diri mereka. Sang nafsu yang licik adalah tempat berkumpulnya kekuatan amarah dan syahwat. Di sini juga adalah tempat terkumpulnya sifat-sifat tercela yang sentiasa mendorong manusia melakukan kejahatan. Malangnya, kebanyakan umat Islam memandang enteng akan perkara ini. Mereka lebih memfokuskan kepada musuh zahirnya sahaja misalnya tipu helah Yahudi dan Nasrani. Mereka tidak sedar bahawa sekiranya mereka tidak membendung hawa

nafsu mereka, secara tidak langsung mereka awal-awal lagi telah kalah dengan musuh zahir mereka. Agenda memerangi hawa nafsu tenggelam dalam kesibukan manusia yang sibuk menitikberatkan masalah daripada akar permasalahan.

Terdapat dua faktor utama yang menjadi penyumbang kepada isu ini berlaku; yang pertama adalah kerana nafsu adalah musuh yang dicintai manusia. Menentang nafsu umpama menentang diri sendiri. Walaupun pedih itulah hakikatnya. Kita terpaksa berperang dengan sesuatu yang menjadi sebahagian daripada diri kita, umpama sekiranya dikhianati, sudah tentu hati kita akan terasa, malah lebih sakit lagi jika dikhianati oleh keluarga sendiri berbanding orang lain. Melawan kehendak nafsu bukan hanya menyeksa rohani manusia bahkan fizikal mereka juga turut terseksa. Bayangkan kehendak nafsu seperti kuat makan dan tidur, bagaimana kita hendak meninggalkannya setelah ia menjadi rutin harian kita.

Kedua, kejahilan umat Islam itu sendiri telah membawa dirinya tersesat dalam helah nafsu yang tidak berpenghujung. Mereka tidak sedar bahkan tidak mengetahui tentang kewujudan musuh utama mereka yang satu ini. Jika sedar pun tidak, apatah lagi untuk mewujudkan usaha bagi memerangi nafsu itu sendiri. Tidak dinafikan, nafsu memang menjadi keperluan utama dalam diri manusia untuk menjalani rutin harian. Contohnya, nafsu makan amat diperlukan setiap hari kerana manusia memerlukan tenaga untuk bekerja. Akan tetapi, yang menjadi isunya adalah, sekiranya nafsu makan tidak dikawal akan timbullah masalah seperti kegemukan, obesiti dan pelbagai penyakit berbahaya yang lain. Begitu juga dengan nafsu seks, ia diperlukan untuk kesinambungan umat manusia di dunia. Akan tetapi, sekiranya tidak dikawal ia akan menjerumuskan manusia kepada pergaulan bebas dan zina.

Daripada contoh tersebut, kita dapat melihat bahawa manusia akan mendapat kehinaan atau kemuliaan bergantung kepada cara dia menguruskan nafsunya. Hina sekiranya manusia diperhambakan nafsu dan mulia sekiranya manusia tersebut dapat mengawal nafsu mengikut aturan Allah serta mendapat keredaan-Nya. Seperti firman Allah yang bermaksud “Dan adapun orang-orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan menahan diri daripada nafsunya, maka sungguh syurgalah tempat tinggalnya” (Surah al-Naziat: 40-41).

Antara jalan mujahadah yang dapat kita ambil sebagai langkah untuk melawan hawa nafsu adalah belajar mengenai nafsu dan akibatnya. Hukum mempelajari ilmu akhlak dan tasawuf adalah fardu ain (wajib) bagi setiap mukalaf. Sekiranya kita mempelajarinya, maka

kita akan lebih mudah mengesan sifat-sifat serta tipu helah nafsu seterusnya dapat menggali sendiri penyelesaian terbaik daripada al-Quran dan sunnah.

Cara kedua adalah dengan membina kesedaran dan keazaman yang tinggi. Tidak cukup dengan ilmu sahaja, sekiranya tidak ada kesedaran di hati kemungkinan kita akan sedia menuruti kehendak nafsu yang jalang bagai lembu dicucuk hidung. Keazaman dan keinginan yang kuat akan membantu kita berjaya dalam apa yang kita perjuangkan. Dan akhir sekali, kita perlu sentiasa konsisten dalam melatih diri untuk melawannya. Tidak mengapa jika sesekali tersungkur, yang penting kita tidak berputus asa berusaha untuk menguruskan nafsu dan mengawalinya.

Kesimpulannya, nafsu itu perlu diuruskan bukan untuk dimusnahkan. Nafsu adalah penghalang utama antara Tuhan dan hamba-Nya. Kejahatan nafsu adalah lebih sukar dibendung daripada tipu daya syaitan. Hal ini kerana, syaitan hanya dapat menguasai manusia sekiranya nafsu membuka jalan kepadanya. Sekiranya nafsu dapat dididik, maka platform untuk syaitan menyesatkan umat manusia akan dimusnahkan. Menyedari hakikat ini, program melawan nafsu perlu menjadi agenda utama umat Islam dalam membina kekuatan ummah. Tidak akan terbina tamadun Islamiah yang kita impikan sekiranya nafsu terus bermaharajalela dalam diri umat Islam. Tamadun rohani dan intelektual yang dirancang akan terkubur sekiranya wujud akhlak umat Islam yang runtuh dengan rasuah, permusuhan, gejala sosial, dadah, jenayah dan sebagainya. Bak kata pepatah, alah bisa tegal biasa. Jadi marilah kita sama-sama menempuhi jalan mujahadah ini secara konsisten agar dapat menguasai dan mengawal nafsu untuk membentuk jati diri mukmin yang berjaya.